
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

JPS 413 – Perkembangan Kemahiran Berbahasa dan Matematik

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab soalan SATU (1) dan TIGA (3) soalan lain.

Tuliskan angka giliran anda di setiap kertas jawapan.

Baca soalan dengan teliti sebelum anda menjawab.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

...2/-

1. (a) Bincangkan prinsip-prinsip asas penguasaan dan pembelajaran bahasa berdasarkan :
 - (i) Teori Behaviurisme
 - (ii) Teori Mentalisme(10 markah)
- (b) Apakah hubungan Teori Behaviurisme dan Teori Mentalisme dengan pengajaran dan pembelajaran bahasa?
(15 markah)
2. (a) Ahli Matematik, Zoltan Dienes (1964) membahagikan perkembangan kemahiran matematik kanak-kanak kepada 6 peringkat. Nyatakan peringkat-peringkat tersebut.
(9 markah)
- (b) Berdasarkan soalan (a), dengan menggunakan contoh-contoh yang sesuai huraikan proses pengajaran dan pembelajaran yang boleh dilaksanakan di sekolah.
(16 markah)
3. (a) Nyatakan faktor-faktor kanak-kanak sekolah rendah tidak boleh membaca.
(5 markah)
- (b) Pilih EMPAT (4) faktor utama dan bincangkan bagaimana faktor-faktor ini mempengaruhi kanak-kanak tidak boleh membaca. Berikan contoh-contoh yang sesuai bagi jawapan anda.
(20 markah)
4. "...susah senang mata pelajaran Matematik bergantung kepada bahasa yang digunakan, sama ada bahasa dalam buku teks atau bahasa guru..."
(Clements, 1982)
Berdasarkan kenyataan di atas, bincangkan pengaruh bahasa dalam pengajaran dan pembelajaran Matematik.
(25 markah)

...3/-

5. (a) Jelaskan takrif dan objektif pengajaran dan pembelajaran bagi setiap kemahiran bahasa berikut:

- (i) kemahiran lisan
- (ii) kemahiran membaca
- (iii) kemahiran menulis

(9 markah)

(b) Tunjukkan satu contoh persediaan mengajar selama (1) jam yang menggabungkan ketiga-ketiga kemahiran di atas. Perkara-perkara yang perlu diberi perhatian ialah objektif, masa dan contoh-contoh aktiviti.

(16 markah)